



KENYATAAN MEDIA

PERKESO DAN UUM JALIN KERJASAMA STRATEGIK TAMBAH BAIK JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) hari ini telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dan membuat pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) bagi berkongsi kepakaran masing-masing untuk memperkasa dan memperluas perkhidmatan perlindungan keselamatan sosial kepada Keluarga Malaysia.

MoU telah ditandatangani oleh PERKESO yang diwakili oleh **Ketua Eksekutif, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed** dan UUM oleh **Naib Canselor, YBrs. Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah**. Ia disaksikan oleh **YBrs. En. Azirruan bin Arifin, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, PERKESO** dan **YBrs. Prof. Madya Dr. Md Zawawi bin Abu Bakar, Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial UUM**.

Kolaborasi yang dimeterai ini akan menjadi simbolik kepada hubungan kerjasama yang lebih erat dan holistik antara kedua-dua organisasi menerusi pelbagai bidang. Menerusi MoA yang telah ditandatangani pada **5 Ogos** lalu, ia menggariskan kerjasama dalam aspek **pembinaan kapasiti, pembangunan dan penyelidikan** serta **pemeriksaan promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan**. Bagi tujuan itu, sebanyak **RM2.5 juta** telah diperuntukkan PERKESO kepada UUM bagi melaksanakan inisiatif tersebut secara bersama untuk tempoh **lima tahun**.

Menerusi jalinan kerjasama ini juga, sebuah **Pusat Kecemerlangan Pengurusan Keselamatan Sosial (*Social Security Management Centre of Excellence – SOSCOE*)** telah dibangunkan buat julung kalinya yang akan menawarkan pengajian dalam **Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia (Minor Pengurusan Keselamatan Sosial) (Kepujian)**.

Sesi pengajian bagi program tersebut dijangka bermula pada bulan November 2022. Untuk permulaan, seramai **20 anggota PERKESO** akan dipilih untuk memulakan sesi pengajian di **SOSCOE** yang terletak di **Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka**.

Sementara itu, MoU yang ditandatangani antara PERKESO dan UUM hari ini pula akan membuka laluan bagi pelaksanaan kepada pelbagai aktiviti untuk meningkatkan **kecekapan pengurusan hilang upaya** khususnya kepada golongan majikan dan pengamal pengurusan hilang upaya di Malaysia. Ia akan dilaksanakan menerusi perluasan kerjasama dalam cabang-cabang ilmu keselamatan sosial termasuk pengajaran dan pembelajaran berkaitan modul pengurusan hilang upaya, pembangunan modul dan latihan, serta pengurusan psikososial termasuk intervensi kerja sosial dan kaunseling.

Selain itu, MoU ini turut menggariskan kolaborasi dalam program pasaran buruh aktif, pelaksanaan simposium, persidangan dan kursus pendek, penyelidikan, perundingan dan latihan industri bagi anggota akademik serta pelajar UUM.

PERKESO menyeru orang awam terutama pengamal pengurusan hilang upaya agar mengambil peluang yang disediakan menerusi kerjasama PERKESO dan UUM ini untuk menambah ilmu dan meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang pengurusan hilang upaya dan keselamatan sosial, seterusnya menyumbang kepada pembangunan keselamatan sosial negara, khususnya dan kesejahteraan Keluarga Malaysia, amnya.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

6 Oktober 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.